

**PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Tn. Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut ]**

**SOALAN : Meminta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

Negeri Pahang Darul Makmur terkenal dengan biodiversiti terutama floranya, oleh yang demikian apakah usaha Kementerian bagi membangunkan industri herba terutama di negeri Pahang.

## **JAWAPAN :**

Bagi membangunkan industri herba di negeri Pahang, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian dan MARDI menjalankan aktiviti khidmat nasihat dan pemindahan teknologi berkaitan pengurusan tanaman, pengawalan penyakit dan serangga perosak, pengendalian lepas tuai serta pembangunan produk. Sebanyak tiga kluster herba seluas 117 hektar telah dibangunkan di negeri Pahang iaitu di Bera, Raub dan Maran melibatkan seramai 155 orang peserta. Antara tanaman yang diusahakan di kluster-kluster herba berkenaan adalah rosol, halia, serai wangi, misai kucing, belimbing buluh, serai, bunga kantan, limau nipis dan limau purut.

Selain itu, peruntukan sebanyak RM22.7 juta juga telah disalurkan kepada Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (*East Coast Economic Region Development Council - ECERDC*) untuk membangunkan kawasan seluas 320 hektar di Chegar Perah, Lipis, Pahang sebagai *Herbal Cultivation Park* untuk membekalkan bahan mentah berkualiti dan berterusan kepada industri herba. Fasa pertama pembangunan kawasan ini telah bermula di mana kerja-kerja pembersihan kawasan seluas 66 hektar telah siap dan penanaman telah dimulakan dengan herba tongkat ali pada awal Mac 2016. Penanaman akan diteruskan kelak dengan herba hempedu bumi, misai kucing, serai, halia dan kunyit.